

**Ekonomi Malaysia Dijangka Berkembang Pada 4.5 - 5.5 Peratus Tahun Ini, Kata Ahmad Husni Bernama  
21 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Kerajaan yakin ekonomi negara dapat berkembang 4.5 peratus hingga 5.5 peratus tahun ini dengan keputusan positif yang muncul daripada dasar fiskal dan ekonomi yang diuji masa.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata Program Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi telah menghasilkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar yang menggalakkan.

Ini terbukti berdasarkan prestasi ekonomi suku keempat tahun lepas yang lebih baik, dengan ekonomi negara berkembang pada 6.4 peratus, menyumbang 5.6 peratus dalam pertumbuhan tahunan, kata beliau.

Semasa menyifatkan pertumbuhan berkenaan sebagai 'pencapaian yang mengagumkan' memandangkan kelemahan ekonomi dunia, Ahmad Husni berkata Malaysia 'terlindung' kepada kemungkinan tertinggi daripada 'kesan toksik' krisis kewangan dan ekonomi global.

"Akhirnya, usaha tanpa jemu kita memulihkan keyakinan pelabur dalam prospek masa depan ekonomi kita...cukup bagi mereka untuk melabur RM135.9 bilion pada 2012 sahaja," kata beliau kepada pemberita pada forum Asian Corporate Giants' di sini.

Setakat ini tahun ini, menteri itu berkata beliau yakin namun berhati-hati kerana 'ketidaktentuan yang berlegar' daripada krisis kewangan dan ekonomi yang berlarutan.

"Bagaimanapun, jika keadaan semasa berterusan, negara akan dapat mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi dengan kekuatannya ekonomi dalam negara terutama pelaburan domestik," katanya.

Ahmad Husni berkata Malaysia berjaya menarik pelaburan swasta yang besar dengan pelancaran program transformasi ekonomi.

Bagi penawaran, semua sektor juga menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929362>